



MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH

Sebut harga : MPKPS (S) 01/007

Tarikh : 23 SEP 2024

MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
NO 192. PERSIARAN JUBLI EMAS,
01000 KANGAR, PERLIS.

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli pelupusan aset seperti berikut :

Bil	Keterangan Aset	Nombor Pendaftaran Kenderaan	Kuantiti	Harga Simpanan	Deposit sebutharga
1.1	1 unit lori Nissan Vanette	RG 7498	1 unit	RM 2,000.00	5% dari harga tawaran tertakluk kepada maksima RM5,000.00 (Disertakan bersama tawaran sebutharga)

2. Aset boleh dilihat pada **01 Oktober 2024 (Isnin) hingga 02 Oktober 2024 (Selasa)** di antara jam **9.00 pagi** hingga **11.00 pagi** di **Unit Elektrik, RPA 102 01000 Kangar, Perlis**. Pegawai yang boleh dihubungi, Encik Abu Zar bin Ghazali (019-5749158) atau Encik Ku Azarul bin Ku Othman (011-26560362). **Lawatan Tapak adalah digalakkan.**
3. **Tawaran Sebut harga adalah TERBUKA KEPADA SYARIKAT ATAU ORANG PERSEORANGAN.** Permit-permit yang berkaitan dengan aktiviti barangan lusuh perlulah dikemukakan. **Contoh: Permit Barang Lusuh dari PDRM.**
4. Tawaran sebutharga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28)** yang boleh dimuat turun di alamat <https://tinyurl.com/lupusasetlori> . Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.

5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda dengan No. Sebutharga **MPKPS (S) 01/007 di penjuru kiri hadapan** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di alamat :

**YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN KANGAR
NO 192. PERSIARAN JUBLI EMAS,
01000 KANGAR,
PERLIS.**

6. Majlis Perbandaran Kangar tidak terikat untuk menerima tawaran terendah. Pihak MPKangar juga tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang dokumen sebut harga yang tidak dipermasukkan di dalam Peti Sebut Harga setelah Peti Sebut Harga dibuka.
7. **Tarikh tutup sebut harga** adalah pada **08 Oktober 2024 (Isnin)** jam **12.00 tengahari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.


.....
Affendi Rajini Kanth
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Kangar
No 192. Persiaran Jubli Emas,
01000 Kangar,
Perlis.

Tarikh : 23 SEP 2024
Cop :



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan **deposit sebutharga sebanyak 5%** daripada harga tawaran bagi setiap pelupusan aset **atau RM 5,000 mengikut mana yang terendah**. Deposit sebutharga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama **TETUAN YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KANGAR, PERLIS** yang dikepilkan bersama borang tawaran (KEW.PA-28) yang telah lengkap diisi. Bayaran deposit sebut harga secara tunai, cekn persendirian, cek syarikat **tidak akan diterima**.
2. Tawaran tanpa/kurang deposit sebutharga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua pelupusam aset adalah dijual sebagaimana keadannya semasa dilihat (**as-is-where-is-basis**). Penyebut harga hendaklah berpuashati dengan pelupusan aset sebelum menyertai tawaran.
5. MPKangar tidak menjamin keadaan mutu, kualiti atau butir-butir pelupusan aset tersebut serta tidak bertanggungjawab ke atas pelupusan aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian pelupusan aset seperti kos menanggal (**dismantle**), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh empat belah hari (14) dari tarikh SST dikeluarkan. Jika bayaran

tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.

8. Bagi penyebut harga yang berjaya dan telah membuat bayaran penuh dikehendaki mengambil aset **dalam tempoh empat belas (14) hari selepas bayaran penuh dijelaskan**. Sekiranya gagal, deposit dan bayaran penuh yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan MPKangar berhak untuk melupuskan aset tersebut.
9. Deposit sebut harga bagi penyebut harga yang tidak berjaya akan dikembalikan sebaik sahaja keputusan laporan pembukaan peti sebut harga dibuat kecuali bagi penyebut harga yang membuat tawaran harga tertinggi, kedua tertinggi dan ketiga tertinggi.
10. Bagi penyebut harga yang berjaya, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan tetapi akan diselaraskan dari baki tawaran yang berkenaan sahaja.
11. Bagi pelupusan aset yang boleh dilesenkan, **proses penukaran hak milik perlu dilakukan terlebih dahulu sebelum aset tersebut dilepaskan** kepada pembida yang berjaya. Justeru, pembida berjaya wajib melakukan proses pemeriksaan kenderaan melalui dengan pihak **PUSPAKOM** bagi tujuan **Pemeriksaan Tujkar Hak Milik (B5)**. **Kos yang dikenakan bagi urusan pemeriksaan tersebut akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak pembida berjaya.**

BUTIR-BUTIR PELUPUSAN ASET ALIH

Kategori : Lori	Model : 1 Ton Nissan Vanette
No. Pendaftaran : RG 7498	No. Casis : PN8PGC22JTCA59998
No. Enjin : A15C087227	Keupayaan Enjin : 1488 S.P
Buatan : Nissan	Bahan Bakar : Petrol
Jenis Badan : Lori Rigid – Kargo Am	Tahun : 2007

